

# Penyelewengan dalam koperasi ditegur Nama menteri diguna elak campurtangan



DATUK SANUSI

**KUALA LUMPUR, Sela-**sa — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Juid hari ini mendedahkan ada ahli jawatankuasa koperasi yang menggunakan nama Menteri untuk mengelakkan Jabatan Pembangunan Koperasi dari campurtangan dalam urusan koperasi mereka.

Katanya, ada ahli-ahli jawatankuasa koperasi yang membuat keputusan sebulat suara membeli jam tangan untuk mereka sendiri.

"Tetapi apabila ditegur oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, mereka telah menyatakan ia adalah arahan Menteri dengan tujuan jabatan tidak campurtangan dalam urusan perniagaan koperasi," ujarnya.

Ketika bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, Datuk Sanusi menjelaskan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi mempunyai kuasa untuk campur tangan

bagi memastikan tiada penyelewengan dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi.

Menteri itu sekali lagi mengingatkan ahli-ahli jawatankuasa koperasi jangan disalahtafsirkan arahan melarang pegawai-pegawai koperasi jangan campur tangan dalam urusan perniagaan koperasi.

Datuk Sanusi juga mengarahkan, kira-kira 1,521 buah koperasi di seluruh negara mengadakan mesyuarat agung dan menyiapkan kira-kira koperasi untuk dihantar ke bahagian Audit Jabatan Pembangunan Koperasi sebelum 30 Jun ini.

## Kepentingan

Sekiranya mereka gagal, sekali lagi nama ahli-ahli jawatankuasanya akan dibukuhitamkan, tegas Datuk Sanusi.

Katanya, tahun lalu, lapan koperasi tidak mengadakan mesyuarat agung. Pihaknya telah dibatalkan pendaftaran dan nama ahli-ahli jawatankuasa telah dibukuhitamkan.

Datuk Sanusi berkata, tindakan tegas terpaksa diambil ke atas koperasi yang engkar untuk menjaga kepentingan kira-kira dua juta ahli koperasi di ne-

gara ini.

Beliau berkata, pihaknya telah mengarahkan Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri dan Daerah bekerjasama bagi memastikan mesyuarat agung diadakan.

Setiap koperasi, katanya, dibenarkan mengadakan mesyuarat agung tanpa membentangkan penyata kira-kira, asalkan ia dipersetujui oleh Ketua Pendaftar.

"Oleh kerana sekali lagi pembentangan kira-kira tidak diwajibkan untuk mengadakan mesyuarat agung, maka tidak ada sebab bagi koperasi tidak mengadakan mesyuarat agung mengikut undang-undang kecil koperasi," ujarnya.

Datuk Sanusi berkata, sementara kira-kira tahun 1982 sedang disiapkan, semua kira-kira koperasi bagi tahun yang lebih awal hendaklah diaudit dan disempurnakan sehingga mendapat pengesahan dari ketua pendaftar.

Beliau mengulangi amaran akan mengambil tindakan keras terhadap jawatankuasa koperasi yang membentangkan kira-kira tetapi belum disahkan oleh ketua pendaftar.

"Saya suka mengingatkan

amalan itu jangan diulangi kerana ia salah di segi undang-undang," tambah beliau.

Menyentuh pengauditan koperasi, Menteri itu telah mengarahkan ketua pendaftar, Jabatan Pembangunan Koperasi berunding dengan pihak Institut Teknologi Mara dan Institut Juruaudit Koperasi untuk memastikan mereka yang berkelayakan mengaudit koperasi.

## Belum siap

"Pemegang diploma dalam bidang akauntansi dari ITM dibenarkan mengaudit koperasi setelah mereka yang berdiploma menduduki peperiksaan di dalam mata-mata pelajaran tambahan bagi peperiksaan Institut Juruaudit Koperasi," tambah Datuk Sanusi.

Katanya, keperluan lebih ramai juruaudit semakin ketara kerana banyak koperasi yang masih belum siap akaunnya untuk diaudit oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi.

Kira-kira 1,244 buah koperasi belum mengirimkan kira-kira mereka untuk diaudit oleh Jabatan Pembangunan Koperasi sehingga tahun lalu.